

**11 Ketua Sayap Di Kedah Menang Tanpa Bertanding**  
**Bernama**  
**12 Oct, 2013**

ALOR SETAR, 12 Okt (Bernama) -- Sebanyak 11 ketua sayap Umno bahagian di Kedah diumumkan menang tanpa bertanding dalam pemilihan bahagian masing-masing.

Bagi jawatan Ketua Wanita, tiga calon yang menang tanpa bertanding ialah Datuk Maznah Hamid bagi Bahagian Jerlun, Sharifah Maznah Syed Kassim (Alor Setar) dan Norma Awang (Jerai).

Maznah dan Sharifah Maznah merupakan penyandang jawatan itu manakala Norma adalah muka baharu.

Pertandingan bagi jawatan Ketua Pemuda pula menyaksikan hanya seorang menang tanpa bertanding iaitu Syed Abdul Hafiz Syed Mustapa bagi Bahagian Alor Setar yang juga muka baharu.

Bagi jawatan Ketua Puteri tujuh calon menang tanpa bertanding iaitu Rosliza Hasan bagi Bahagian Kubang Pasu, Azifah Abd Rahman (Pokok Sena), Amal Izzah Shamsuddin (Pendang), Anisah Che Amat (Jerai), Datin Norasimah Md Nowar (Sik), Suriati Che Mid (Baling) dan Norsabrina Mohd Noor.

Azifah, Amal Izzah, Norasimah, Suriati dan Norsabrina mengekalkan jawatan masing-masing manakala Rosliza dan Anisah adalah muka baharu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985267>